




Disember
2022

BERITA PORTAL

PORTAL RASMI
KEMENTERIAN PERTAHANAN

www.mod.gov.my





KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

ISI KANDUNGAN :

1.	Mesyuarat 10th Combined Committee On Defence Cooperation <i>The 10th Combined Committee On Defence Cooperation Meeting</i>	4
2.	Menteri Pertahanan Mengangkat Sumpah Jawatan Menteri <i>Defence Minister Takes Oath For Minister Post</i>	6
3.	Menteri Pertahanan Memulakan Tugas Rasmi <i>Defence Minister Starts Official Duties</i>	8
4.	MALBATT Harumkan Nama Malaysia Di Lubnan <i>MALBATT Made Malaysia Proud In Lebanon</i>	10
5.	Menteri Pertahanan Selesai Sempurnakan Majlis Graduasi PUSPAHANAS <i>Defence Minister Had Completed The PUSPAHANAS Graduation Ceremony</i>	13
6.	Timbalan Menteri Pertahanan Angkat Sumpah Jawatan Timbalan Menteri Persekutuan <i>Deputy Defence Minister Takes Oath Of Office For Federal Deputy Minister Position</i>	15
7.	Timbalan Menteri Pertahanan Memulakan Tugas Rasmi <i>Deputy Defence Minister Starts Official Duty</i>	17
8.	MIDAS Melakar Kejayaan Di Hongneung Defense Forum <i>MIDAS Achieve Success At Hongneung Defense Forum</i>	19
9.	Mesyuarat Ke- 56 FPDA Consultative Council (FCC) <i>The 56th FPDA Consultative Council (FCC) Meeting</i>	21
10.	Projek Sistem Bekalan Air RKAT Beri Kemudahan Kepada Penghuni <i>RKAT Water Supply System Project Conveniences Occupant</i>	23
11.	110 Anak Tentera Terlibat Program Kem Kembara Anak Tangkas Gempur <i>110 Children Of The Army Involved In 'Kem Kembara Anak Tangkas Gempur' Programme</i>	25
12.	Menteri Pertahanan Terima Kunjungan Hormat Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia Ke Luar Negara <i>Defence Minister Received Courtesy Visit From Malaysian Heads Of Diplomatic Mission</i>	27



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

13. Majlis Penyampaian Sijil Perhebat & Program Reskilling Upskilling Veteran ATM 29
Perhebat Certificate Presentation Ceremony & Reskilling Upskilling MAF Veteran Programme
14. 328 Anggota TLDM Berjaya Ditauliahkan Diploma Kemahiran Malaysia Melalui 31
Inisiatif RPEL PERHEBAT
328 RMN Members Successfully Accredited The Malaysian Skills Diploma Through The RPEL PERHEBAT Initiative
15. ATM Diatur Gerak Bantu Mangsa Banjir Di Kelantan 33
MAF Mobilized Help Flood Victims In Kelantan
16. 18 RAMD Bantu Pindah Mangsa Banjir Di Terengganu 35
18 RAMD Help Move Flood Victims In Terengganu
17. Siber Siaga 2022 Tarik Hampir 2000 Pengunjung Di Hari Pertama 37
'Siber Siaga 2022' Attracts Over 2000 Visitors On The First Day
18. Penyelam TLDM Menyelamatkan Nelayan Yang Hampir Karam 39
RMN Diver Rescue Almost Sinking Fisherman
19. Op Carilamat: KD LEKIU Berjaya Menjumpai Kapal Layar Hanyut 41
Op Carilamat: KD LEKIU Succeed In Discovering Sinking Sailing Ship
20. Menteri Pertahanan Menyantuni Mangsa Banjir 43
Defence Minister Visits Flood Victims
21. 91 Rejimen Bantuan RAJD Diaturgerak Dalam Operasi SAR 45
91 RAJD Support Regiment Were Mobilized In SAR Operation
22. Majlis Penghargaan Perkhidmatan Op Benteng 2020 - 2022 Sempena 47
Pembubaran NTF
Op Benteng 2020-2022 Appreciation Service Ceremony In Conjunction With NTF Disbandment



MESYUARAT 10TH COMBINED COMMITTEE ON DEFENCE COOPERATION



KUALA LUMPUR, 1 Disember 2022 - Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz bersama rakan sejawat beliau, Honourable Angelito M. De Leon, Undersecretary for Capability Assessment and Development, Department of National Defence, Filipina telah mempengerusikan Mesyuarat 10th Combined Committee on Defence Cooperation secara sidang video di Bilik Melati, Wisma Pertahanan.

Mesyuarat telah dihadiri oleh semua ahli yang mewakili kedua-dua buah negara. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat pada kali ini adalah perkara-perkara berkaitan penganjuran kursus dan latihan, operasi serta lawatan melibatkan warga angkatan tentera kedua-dua negara yang telah diputuskan semasa mesyuarat MCWG yang lalu.

Turut dibincangkan adalah mengenai beberapa aktiviti di peringkat operasi dan strategik bagi mengukuhkan hubungan baik dalam bidang ketenteraan antara kedua-dua negara.

Selain daripada itu, turut dibincangkan adalah mengenai hal-hal berkaitan penambahbaikan yang mampu dilaksanakan pada masa hadapan terutamanya dalam usaha melahirkan warga angkatan tentera yang kredibel dan kompeten.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Hubungan Malaysia-Filipina dilihat sangat baik terutama dalam bidang ketenteraan dan diyakini ia sebagai isyarat positif dalam melestarikan keamanan dan kemakmuran sejagat.

THE 10TH COMBINED COMMITTEE ON DEFENCE COOPERATION MEETING

KUALA LUMPUR, December 1 2022 – Secretary General, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz with his counterpart, Honourable Angelito M. De Leon, Undersecretary for Capability Assessment and Development, Department of National Defence, Philippine chaired the 10th Combined Committee on Defence Cooperation Meeting via video conferencing at Melati Room, Wisma Pertahanan.

The meeting was attended by all members representing both countries. Among the matters discussed in the meeting this time are related to the organization of course and training, operation as well as visits involving both countries armed force members which was decided during the past MWCG meeting.

Some activities at operation and strategic level are also discussed to strengthen the good relationship between both countries in the military field.

Apart from that, matters related to the improvements that can be implemented in the future are also discussed especially in efforts to produce credible and competent armed force members.

Malaysia-Philippine relationship are seen excellent especially in the military field and is believed as a positive sign in preserving global peace and prosperity.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MENTERI PERTAHANAN MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN MENTERI



KUALA LUMPUR, 3 Disember 2022, Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan telah mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang bertempat di Istana Negara.

Turut berangkat pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia Serta Sumpah Simpan Rahsia itu ialah Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar bin Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail turut hadir menyaksikan majlis itu.

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan dengan disaksikan Ketua Hakim Negara Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat dan Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Mohd Zuki Ali.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

DEFENCE MINISTER TAKES OATH FOR MINISTER POST

KUALA LUMPUR, DECEMBER 3 2022 – Defence Minister, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan takes the oath of office in front of Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah held at Istana Negara.

Also departing to the Ceremony of Awarding the Letter of Appointment and the Ceremony of Taking the Oath of Office and Loyalty as well as the Oath of Secrecy is the Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Prime Minister Datuk Seri Anwar bin Ibrahim and wife, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail also attended to witness the ceremony.

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan recites the oath of office and loyalty before signing the official appointment documents witnessed by the Chief Justice of Malaysia Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat and Chief Secretary to the Government Datuk Seri Mohd Zuki Ali.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MENTERI PERTAHANAN MEMULAKAN TUGAS RASMI



KUALA LUMPUR, 5 Disember 2022 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan secara rasminya memulakan tugas sebagai Menteri Pertahanan.

Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Setiausaha, Dato' Sri Muez Abd Aziz dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang TUDM serta Pegawai Kanan Kementerian dan Panglima-Panglima Perkhidmatan.

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan kemudiannya menerima tabik hormat Kawalan Kehormatan Utama daripada Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja di perkarangan Wisma Pertahanan.

Sejurus selesai, YB Menteri Pertahanan diberikan taklimat eksekutif oleh KSU dan PAT seterusnya menandatangani dokumen mula tugas sebagai simbolik.

Sesi diakhiri dengan sesi ramah mesra bersama warga kerja pertahanan di foyer bangunan Wisma Pertahanan.

Sebelum ini, Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan telah mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang bertempat di Istana Negara pada 3 Disember 2022 yang lalu.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

DEFENCE MINISTER STARTS OFFICIAL DUTIES

KUALA LUMPUR, December 5 2022 – Defence Minister, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan officially started his duties as Ministry of Defence.

His arrival was welcomed by Secretary General, Dato' Sri Muez Abd Aziz and Chief of Defence Force, General Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang RAMF as well as Ministry Senior Officers and Service Commanders.

YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan then received Main Guard of Honour salute from the 1st Royal Malay Regiment Battalion at Wisma Pertahanan compound.

After the event, YB Defence Minister was given an executive briefing by the Secretary General and Chief of Defence Force then signed the official documents as a symbolic.

The session ended with a meet and greet session with the Ministry of Defence members at Wisma Pertahanan foyer.

Before this, Defence Minister, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan took the oath of office in front of Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah held at Istana Negara on 3rd December 2022.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALBATT HARUMKAN NAMA MALAYSIA DI LUBNAN



PORT DICKSON, 8 Disember 2022- Kontinjen Malaysia Batalion 850-9 (Malbatt 850-9) yang berkhidmat di Lubnan di bawah Perkhidmatan Negara Bangsa-Bangsa Bersatu (PNBB) telah menerima penghormatan yang membanggakan apabila dikurniakan pingat pengiktirafan daripada Itali.

Kontinjen ini telah melaksanakan tugas selama setahun bermula 13 November 2021 di Lubnan bagi melengkapkan penugasan sebagai pasukan pengaman dalam misi United Nations Interim Force In Lebanon (UNIFIL).

Kontinjen ini telah diketuai oleh Kolonel Megat Maz Ardi bin Nohuddin, dengan seramai 854 anggota yang terdiri dari 83 pegawai dan 771 anggota lain-lain pangkat (LLP) termasuk 85 pegawai dan anggota wanita serta 3 pegawai dan 27 anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)) serta seorang Pegawai Awam Kewangan dari Kementerian Pertahanan Malaysia.

Anggota MALBATT 850-9 telah mempamerkan sifat profesional tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman yang menjadikan Malaysia terkenal dan disenangi oleh semua pihak di bumi Lubnan.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Lebih membanggakan Komander MALBATT 850-9, iaitu Kolonel Megat Maz Ardi bin Nohuddin telah dikurniakan Pingat pengiktirafan daripada negara Italy iaitu ***Croce Commemorativa Per La Partecipazione Alle Operazioni Di Pace*** yang disampaikan sendiri oleh Komander Sektor Barat UNIFIL. Beliau merupakan Komander pertama dari MALBATT yang mendapat pengiktirafan tersebut.

Secara totalnya MALBATT 850-9 telah berjaya menguruskan sebanyak 24,198 aktiviti pengoperasian melibatkan Independent and Coordinated Activity With Lebanese Armed Forces (COAWL) di Kawasan Tanggungjawab MALBATT berkeluasan 288 KM persegi yang merupakan Kawasan Tanggungjawab yang paling besar di bawah UNIFIL meliputi keseluruhannya 48 Municipalities disamping menguatkuasakan Mandat dan Resolusi United Nation Security Council (UNSC) 1701.

Majlis Pembubaran dan Pemakaian Pingat Perkhidmatan Negara Bangsa-Bangsa Bersatu (PNBB) Malaysian Battalion 850-9 (MALBATT 850-9) telah disempurnakan oleh Panglima Angkatan Bersama, Leftenan Jeneral Dato' Indera Haji Yazid bin Haji Arshad TUDM mewakili Panglima Angkatan Tentera pada 5 Disember yang lepas.

Sumber : MyJointForce

MALBATT MADE MALAYSIA PROUD IN LEBANON

PORT DICKSON, December 8 2022 – Malaysian Battalion 850-9 (Malbatt 850-9) Contingent serving their duty in Lebanon under United Nation Services (PNBB) was honoured when presented with a recognition medal from Italy.

The contingent carried out their duties for a year starting 13th November 2021 in Lebanon to complete their deployment as a peacekeeping force in the United Nations Interim Force In Lebanon (UNIFIL) mission.

The contingent was led by Colonel Megat Maz Ardi bin Nohuddin, with 854 members consisting from 83 officers and 771 enlisted rank (LLP) members including 85 women officers and members as well as 3 officers and 27 members from Royal Brunei Armed Forces and one Civil Finance Officer from Ministry of Defence.

MALBATT 850-9 members portrayed professional behavior irrespective to the race, religion and creed making Malaysia known and favoured by all parties in Lebanon.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALBATT 850-9's Commander, Colonel Megat Maz Ardi bin Nohuddin was presented the recognition Medal from Italy which is ***Croce Commemorativa Per La Partecipazione Alle Operazioni Di Pace*** given by the UNIFIL West Sector Commander himself. He was the first Commander from MALBATT who received the acknowledgement.

All in all MALBATT 850-9 successfully managed 24,198 operation involving Independent and Coordinated Activity With Lebanese Armed Forces (COAWL) at Kawasan Tanggungjawab MALBATT with an area of 288 KM square which is the largest Kawasan Tanggungjawab under UNIFIL covering 48 Municipalities in total apart from enforcing the United Nation Security Council (UNSC) 1701 Mandate and Resolution.

The Dissolution and Pin-On-Rank Malaysian Battalion 850-9 United Nations Service (PNBB) Ceremony was completed by Joint Force Commander, Leftenan General Dato' Indera Haji Yazid bin Haji Arshad RAMF representing the Chief of Defence Force on 5th December.

Source: MyJointForce



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MENTERI PERTAHANAN SELESAI SEMPURNAKAN MAJLIS GRADUASI PUSPAHANAS



PUTRAJAYA, 10 Disember 2022 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan telah menyempurnakan Majlis Graduasi Maktab Ketahanan Nasional (MKN), Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) dan Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) yang berlangsung di Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS), Putrajaya.

Seramai 265 graduan telah berjaya menamatkan kursus terdiri daripada 21 pegawai kanan berpangkat Brigadier Jeneral dan Kolonel setaraf di bawah Maktab Ketahanan Nasional (MKN) daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan serta 64 pegawai kanan berpangkat Leftenan Kolonel termasuk seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan penuntut luar negara di bawah Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT).

Manakala, 180 pegawai berpangkat Mejar setaraf yang turut disertai Pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di bawah Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT).

Ketiga-tiga kursus ini berlangsung bermula Januari hingga Disember 2022. Ini merupakan langkah pertama bagi PUSPAHANAS melaksanakan upacara graduasi secara serentak dan akan terus mengorak langkah sebagai satu institusi yang disegani dan terunggul dalam bidang ini.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Turut hadir Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima-panglima Perkhidmatan, dan Atase-atase Pertahanan.

DEFENCE MINISTER HAD COMPLETED THE PUSPAHANAS GRADUATION CEREMONY

PUTRAJAYA, December 10 2022 – Defence Minister, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan completed the National Resilience College (NRC), Malaysian Armed Forces Defence College (MAFDC) and Malaysian Armed Forces Staff College (MAFSC) held at National Centre for Defence Studies (PUSPAHANAS), Putrajaya.

265 graduand successfully completed the course consisting from 21 Brigadier General and Colonel equivalent ranked senior officer under National Resilience College (NRC) from the three service branches as well as 64 senior officers ranked Lieutenant Colonel including one Administrative and Diplomatic Officer and international students under Malaysian Armed Forces Defence College (MAFDC).

Meanwhile, 180 Major equivalent ranked officer were also joined by Royal Malaysia Police (RMP) and Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) under Malaysian Armed Forces Staff College (MAFSC).

This three course was held starting January until December 2022. This is a first for PUSPAHANAS in carrying out the graduation ceremony simultaneously and will continue being an institution that is redoubtable and famous in this field.

Also attending Secretary General, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Chief of Defence Force General Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang RAMF, Service Commanders, and Defence Attaches.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN ANGKAT SUMPAH JAWATAN TIMBALAN MENTERI PERSEKUTUAN



KUALA LUMPUR, 10 Disember 2022 - Timbalan Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Adly bin Zahari telah mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang bertempat di Istana Negara.

YB Tuan Haji Adly bin Zahari melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia, sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan dengan disaksikan Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Turut hadir menyaksikan majlis Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia Serta Sumpah Simpan Rahsia ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez Abd Aziz.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

DEPUTY DEFENCE MINISTER TAKES OATH OF OFFICE FOR FEDERAL DEPUTY MINISTER POSITION

KUALA LUMPUR, December 10 2022 – Deputy Defence Minister, YB Tuan Haji Adly bin Zahari takes oath of office in front of Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah held at Istana Negara.

YB Tuan Haji Adly bin Zahari takes the oath of office and loyalty, before signing the official appointment documents witnessed by Chief Justice of Malaysia Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat and Chief Secretary to the Government Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Also attended witnessing the Ceremony of Awarding the Letter of Appointment and the Ceremony of Taking the Oath of Office and Loyalty as well as the Oath of Secrecy is the Defence Ministry Secretary General, Dato' Sri Muez Abd Aziz.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN MEMULAKAN TUGAS RASMI



KUALA LUMPUR, 12 Disember 2022- YB Tuan Haji Adly bin Zahari secara rasminya memulakan tugas sebagai Timbalan Menteri Pertahanan.

Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Setiausaha, Dato' Sri Muez Abd Aziz dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang TUDM serta Pegawai Kanan Kementerian dan Panglima-Panglima Perkhidmatan.

YB Timbalan Menteri kemudiannya menerima tabik hormat Kawalan Kehormatan Utama daripada Batalion Pertama, Rejimen Askar Melayu Diraja di foyer Wisma Pertahanan.

Beliau telah berkesempatan menandatangani kad E-Rakam MINDEF sebagai simbolik menandakan permulaan tugas di Kementerian Pertahanan dan diberi Taklimat Eksekutif berkaitan MINDEF yang telah disampaikan oleh KSU dan PAT.

Selain itu, YB Timbalan Menteri Pertahanan turut melaksanakan kunjungan hormat kepada Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan sejurus selesai menandatangani dokumen mula tugas.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Sebelum ini, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Adly bin Zahari telah mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang bertempat di Istana Negara pada 10 Disember 2022 yang lalu.

DEPUTY DEFENCE MINISTER STARTS OFFICIAL DUTY

KUALA LUMPUR, December 12 2022 - YB Tuan Haji Adly bin Zahari officially starts his duty as the Deputy Defence Minister.

His arrival was welcomed by Secretary General, Dato' Sri Muez Abd Aziz and Chief of Defence Force, General Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang RAMF as well as Ministry Senior Officers and Service Commanders.

YB Deputy Minister then received the Main Guard of Honour salute from the 1st Royal Malay Regiment Battalion at Wisma Pertahanan foyer.

He had the opportunity to scan the MINDEF E-Rakam card as a symbolic of starting his duty at Ministry of Defence and was given the Executive Briefing about MINDEF which was given by Secretary General and Chief of Defence Force.

Apart from that, YB Deputy Defence Minister also carried out a courtesy visit to the Defence Minister, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan as soon as he was done signing the documents.

Before this, Deputy Defence Minister, YB Tuan Haji Adly bin Zahari took the oath of office in front of Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah held at Istana Negara on 10 December 2022.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MIDAS MELAKAR KEJAYAAN DI HONGNEUNG DEFENSE FORUM



SEOUL, 14 Disember 2022- MiDAS melakar satu lagi kejayaan bermakna dalam sejarah penubuhannya apabila dipelawa khas untuk berkongsi pandangan dan pendapat di dalam Hongneung Defense Forum iaitu forum berprestij peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Korean Institute of Defense Analyses (KIDA).

MiDAS diwakili oleh Lt Kol Ts Dr Maimunah Omar yang dijemput sebagai pembentang bagi topik "ROK-ASEAN Defence Cooperation in the Indo-Pacific Era". Seterusnya MiDAS dan KIDA turut mengadakan perbincangan secara Bilateral bagi kerjasama penyelidikan dalam beberapa bidang yang dikenalpasti berpotensi. Kepentingan pembangunan Industri Pertahanan juga turut diberi perhatian di dalam perbincangan ini.

Hongneung Defense Forum yang diadakan di Seoul, Korea dari 12 hingga 14 Disember merupakan satu forum berprestij yang menghimpunkan ramai pakar analisis dan pemikir dari seluruh dunia seperti International Institute for Strategic Studies IISS, Center for a New American Security CNAS, China Institute of International Studies CIISS serta banyak lagi.

Penglibatan MiDAS yang mewakili Kementerian Pertahanan dan Malaysia merupakan satu penghormatan dan kepercayaan terhadap keupayaan MiDAS sebagai salah sebuah Institut Pemikir yang berwibawa di peringkat antarabangsa di rantau ini.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MIDAS ACHIEVE SUCCESS AT HONGNEUNG DEFENSE FORUM

SEOUL, December 14 2022 – MiDAS achieve another meaningful success since its establishment when they were specially invited to share their views and opinions in the Hongneung Defense Forum, a prestigious international forum organized by Korean Institute of Defense Analyses (KIDA).

MiDAS was represented by Lt Col Ts Dr Maimunah Omar who was invited as a presenter for the topic “ROK-ASEAN Defence Cooperation in the Indo-Pacific Era”. Then, MiDAS and KIDA also had a bilateral discussion for the research cooperation in a few identified potential fields. The importance of the Defence Industry development will also be given attention in this discussion.

Hongneung Defense Forum held at Seoul, Korea from 12 until 14 December is a prestigious forum gathering analysis experts and thinker from all over the world such as International Institute for Strategic Studies IISS, Center for a New American Security CNAS, China Institute of International Studies CISS and more.

MiDAS involvement representing Ministry of Defence and Malaysia is an honour and trust towards MiDAS ability as one of the credible Think Tank internationally in this region.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MESYUARAT KE- 56 FPDA CONSULTATIVE COUNCIL (FCC)



SINGAPURA, 14 Disember 2022 - YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia bersama dengan T.Y.T Chan Heng Kee, Setiausaha Tetap Pertahanan Singapura telah mempengerusikan Mesyuarat Ke-56 FPDA Consultative Council (FCC). Mesyuarat ini juga dihadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia, New Zealand dan United Kingdom di Singapura.

Mesyuarat ini telah membincangkan mengenai pendirian Malaysia terhadap kawasan eksesais FPDA dan laporan pelaksanaan aktiviti, kewangan serta pentadbiran Headquarters Integrated Area Defense System (HQIADS).

Mengakhiri mesyuarat tersebut, negara-negara anggota FPDA telah menzahirkan komitmen serta mempamerkan kesungguhan untuk meneruskan aktiviti FPDA pada tahun 2023 terutamanya eksesais Bersama Shield dan Bersama Lima.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

THE 56TH FPDA CONSULTATIVE COUNCIL (FCC) MEETING

SINGAPORE, December 14 2022 - YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Secretary General Ministry of Defence Malaysia with T.Y.T Chan Heng Kee, Singapore Permanent Secretary (Defence) chaired the 56th FPDA Consultative Council (FCC) Meeting. This meeting was also attended by the High Commissioner of Australia, New Zealand and United Kingdom in Singapore.

This meeting discussed on Malaysia's stand towards the FPDA exercise area as well as the activity, finance and administration implementation report of the Headquarters Integrated Area Defense System (HQIADS).

Ending the meeting, FPDA member countries expressed their commitment as well as showcasing their earnestness to continue the FPDA activity in 2023 especially Shield and Lima joint exercise.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

PROJEK SISTEM BEKALAN AIR RKAT BERI KEMUDAHAN KEPADA PENGHUNI



KUALA LUMPUR, 15 Disember 2022 - Agenda kebajikan perumahan merupakan antara intipati penting khususnya dalam meningkatkan taraf hidup dan keselesaan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan kakitangan awam.

Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz hari ini telah merasmikan Projek Sistem Bekalan Air Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) di Desa Setia Wira dalam memberi kemudahan kepada penghuni di sekitarnya.

Projek ini merupakan inisiatif Kementerian Pertahanan dalam memastikan ianya dapat menangani krisis bekalan air yang kerap berlaku di kawasan perumahan tersebut.

Pengurusan Tertinggi MINDEF dengan kerjasama ATM akan terus bekerjasama bagi memastikan aspek kebajikan warga kerja pertahanan dapat terus diperkasakan.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

RKAT WATER SUPPLY SYSTEM PROJECT CONVENIENCES OCCUPANT

RKAT WATER SUPPLY SYSTEM PROJECT CONVENIENCES OCCUPANT KUALA LUMPUR, December 15 2022 – The housing welfare agenda are among the important essence especially in enhancing the living standard and comfortability of the Malaysian Armed Force (MAF) personnel and civil staff.

Secretary General, YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz today formalized the Malaysian Armed Force Family House (RKAT) Water Supply System Project at Desa Setia Wira in giving convenience to the occupants nearby.

This project is the Defence Ministry's initiative in ensuring the water supply crisis frequently happening at the housing area can be handled.

MINDEF's Top Management with MAF cooperation will continue to cooperate in ensuring the welfare aspect of the defence members can continue to empower.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

110 ANAK TENTERA TERLIBAT PROGRAM KEM KEMBARA ANAK TANGKAS GEMPUR



PAHANG, 16 Disember 2022 - Bagi meningkatkan keyakinan dan membina jati diri kepada anak-anak tentera, seramai 110 anak warga Batalion Ke-12 Rejimen Askar Melayu Diraja (Mekanize) (12 RAMD (Mek)) telah terlibat dalam Program Kem Kembara Anak Tangkas Gempur yang diadakan di sekitar Kem Daralockwood pada 10 Disember 2022 yang lalu.

Selain daripada meningkatkan keyakinan diri, objektif program ini adalah bagi meningkatkan kerohanian dan memberi pendedahan berkenaan ikhtiar hidup kepada anak-anak tentera ini.

Antara pengisian program yang diberikankan di Survival Village ini termasuklah merangkumi latihan jasmani, merentas halangan, demonstrasi ikhtiar hidup dan joyride di sekitar kawasan kem dengan menaiki Kenderaan Jenis A (KJA).

Selain daripada itu, program juga diteruskan dengan pengisian kerohanian di Surau Al-Mujahidin iaitu tahsin surah Al-Fatihah, smart solat dan kelas pengurusan jenazah.

Sumber : Batalion Ke-12 Rejimen Askar Melayu Diraja (Mekanize)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

110 CHILDREN OF THE ARMY INVOLVED IN ‘KEM KEMBARA ANAK TANGKAS GEMPUR’ PROGRAMME

PAHANG, December 16 2022 – To enhance the children of the army’s confidence and build their identity, 110 children of the 12th Battalion Royal Malay Regiment (Mekanize) (12 RAMD (Mek)) participated in the ‘Kem Kembara Anak Tangkas Gempur’ Programme held around Kem Daralockwood on 10th December 2022.

Apart from enhancing confidence, the objective of this programme is to enhance the spirituality and give exposure on survival to children of the army.

Among the programme contents carried out at the Survival Village covers physical exercise, obstacle course, survival demonstration and joyride around the camp area riding Vehicle Type A (KJA).

Apart from that, the programme continued with spiritual contents at Surau Al-Mujahidin which are tahsin surah Al-Fatihah, smart solat and jenazah management.

Credit: 12th Battalion Royal Malay Regiment (Mekanize)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

MENTERI PERTAHANAN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT KETUA PERWAKILAN DIPLOMATIK MALAYSIA KE LUAR NEGARA



KUALA LUMPUR, 16 Disember 2022- Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, telah menerima kunjungan hormat oleh Ketua-ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia ke Luar Negara yang bakal berlepas ke negara penempatan masing-masing seawal bulan Januari 2023 di Wisma Pertahanan.

